



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PERTANDINGAN MUT PERUNDANGAN ANGKASA (PMPA) 2025, PLATFORM MELAHIRKAN BAKAL PEGUAM ANGKASA MALAYSIA :

- MEMBINA GENERASI PEGUAM ANGKASA MADANI UNTUK MASA DEPAN NEGARA

PUTRAJAYA, 5 OGOS 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Bahagian Penguasa Angkasa (BPAngkasa), dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta sokongan Rakan Pelaksana Strategik, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), berbesar hati mengumumkan pelancaran Pertandingan Mut Perundangan Angkasa (PMPA 2025). Inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuh kesedaran dan pemahaman masyarakat terhadap bidang perundangan angkasa, yang semakin penting dalam landskap pembangunan teknologi angkasa negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang, menyatakan bahawa beliau mahu melihat lebih ramai mahasiswa undang-undang merebut peluang ini bukan semata-mata untuk menang, tetapi untuk menerokai bidang baharu yang menggabungkan sains, teknologi dan undang-undang.

“Saya yakin, melalui pertandingan ini, kita boleh melahirkan barisan peguam muda yang bersedia menghadapi cabaran masa depan yang boleh menjaga kepentingan negara apabila kita bersaing di pentas global dalam industri angkasa,” ujar beliau.

Pertandingan ini dirancang bagi memperkenalkan serta mengangkat kepentingan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834], selain membincangkan isu-isu kritikal berkaitan undang-undang angkasa antarabangsa dalam konteks kemajuan teknologi dan penerokaan angkasa semasa dan masa depan.

PMPA 2025 bukan sekadar platform simulasi prosiding mahkamah mut, tetapi juga berfungsi sebagai medium latihan praktikal bagi pelajar undang-undang. Ia memberi peluang untuk mengasah kemahiran berhujah dalam konteks perbicaraan angkasa, selain memahami cabaran sebenar dalam industri angkasa negara dan global.

Matlamat utama penganjuran PMPA 2025 adalah:

- Melahirkan dan melatih bakal peguam perundangan angkasa Malaysia agar bersedia menghadapi cabaran perundangan teknologi angkasa masa depan;
- Memberi pendedahan kepada peserta mengenai prosiding mahkamah mut berasaskan kes-kes sebenar dan hipotetikal berkaitan undang-undang angkasa Malaysia dan triti angkasa di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB);
- Memperkukuhkan kolaborasi akademik antara institusi pengajian tinggi dan agensi kerajaan, khususnya dalam bidang penggubalan dan pelaksanaan dasar undang-undang angkasa negara; dan
- Meningkatkan kesedaran awam dan warga akademik tentang kewujudan dan fungsi undang-undang angkasa Malaysia, termasuk kepentingannya terhadap keselamatan, kedaulatan dan pembangunan negara dalam sektor angkasa.

Pelaksanaan PMPA 2025 selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai Keilmuan, Keterangkuman dan Ihsan dalam pembentukan masyarakat progresif. Ia turut menyokong Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030, khususnya Teras 4 (Pemupukan bakat STI) dan Teras 6 (Tadbir urus berasaskan data), serta memperkukuh pemeraksanaan generasi muda melalui platform pendidikan inovatif.

MOSTI juga melihat PMPA 2025 sebagai salah satu langkah strategik ke arah mencapai sasaran Pelan Tindakan Dasar Angkasa Negara 2030, iaitu menjadikan sektor angkasa sebagai penyumbang sekurang-kurangnya 1% atau RM10 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan baharu berkemahiran tinggi dalam ekosistem angkasa negara yang progresif dan mampan.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM, Dr. Che Zuhaida Saari, “Apabila teknologi sampai ke bintang dan sehati dengan kehidupan seharian, undang-undang mesti lebih jauh ke hadapan. Angkasa bukan sekadar ruang, malahan ia adalah kewajipan sekalian alam, amanah yang perlu dijaga sebaiknya. Dari penghujahan yang adil dan saksama, serta berteraskan ilmu yang benar undang-undang yang baik akan terlaksana dan berkembang untuk kita kekalkan ia sebagai wilayah yang aman, beretika, dan inklusif untuk semua.”

PMPA 2025 dijangka mendapat penyertaan seramai 50,000 peserta daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara, dan menjadi platform utama pembangunan kepakaran dalam bidang perundangan angkasa – satu bidang baharu yang semakin signifikan di peringkat antarabangsa.

PMPA 2025 bakal berlangsung pada 5 hingga 7 Disember 2025 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Untuk keterangan lanjut mengenai syarat penyertaan dan maklumat pertandingan, sila layari laman web rasmi di <https://spacelawmootcourt.usim.edu.my>

#TAMAT

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
5 OGOS 2025**

Mengenai Bahagian Penguasa Angkasa, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Selari dengan pewartaan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] pada 25 Januari 2022, satu bahagian khusus di MOSTI iaitu Bahagian Penguasa Angkasa telah ditubuhkan secara rasminya pada 14 Jun 2022. Bahagian Penguasa Angkasa berperanan untuk mengawal selia dan melaksanakan hal-hal tadbir urus berkaitan perkara-perkara yang terkandung di dalam Akta 834.

Selain itu, Bahagian Penguasa Angkasa bertindak sebagai Setiausaha Eksekutif kepada Lembaga Angkasa Malaysia atau Malaysian Space Board (MSB) yang menasihati kerajaan berkaitan hal-ehwal pelaksanaan Akta, menggubal instrumen perundangan yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan Akta 834 yang berkesan serta mengawal selia semua aktiviti angkasa Negara yang termaktub dalam Akta bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terpelihara.

Antara aktiviti angkasa utama yang dikuatkuasakan dalam Akta 834 termasuklah keperluan lesen (membina atau mengilang objek angkasa, pemilik atau operator fasiliti pengujian dan integrasi, dan pemilik atau operator fasiliti pelancar), permit pelancaran (bagi penyedia khidmat pelancaran dalam negara), perakuan pelancaran (bagi pemilik objek angkasa yang melancarkan objek miliknya di dalam/ luar negara) serta pendaftaran objek angkasa (bagi objek angkasa yang telah berjaya dilancarkan ke orbit).

Maklumat lanjut mengenai Bahagian Penguasa Angkasa, sila layari laman web: <https://www.mosti.gov.my/bahagian-penguasa-angkasa>

Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] boleh dimuat turun dengan mengimbas kod QR di bawah.



Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai Syarikat Terhad Mengikut Jaminan (CLBG) di bawah Akta Syarikat 1965 dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berasaskan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, mengenalpasti, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 7,400 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerkasaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di www.yim.my

Hubungi:

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)
Nur Aneita Abdullah Pandian
+6019-2294732
aneita@yim.my

Mengenai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ialah sebuah universiti awam yang menerapkan pendekatan holistik ke arah penyampaian ilmu, dengan mengintegrasikan ilmu wahyu (Naqli) dan ilmu yang dituntut (Aqli). Ditubuhkan pada tahun 2000, USIM yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan menawarkan lebih 90 program akademik di peringkat pra-siswazah, sarjana muda dan pascasiswazah dalam bidang sains, teknologi, perubatan, ekonomi, sains sosial dan pengajian Islam.

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang unik, USIM berperanan untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang, dan beretika tinggi, selaras dengan aspirasi negara dan keperluan ummah. USIM juga aktif dalam penyelidikan berimpak tinggi yang merangkumi bidang multidisiplin, khususnya yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan penyelesaian isu-isu semasa dari perspektif Islam.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.usim.edu.my